

Rhu halang angin

73,261 pokok ditanam bantu elak kerosakan harta, kediaman penduduk di pantai

>>Oleh Mohd Rafi Mamat

am@hmetro.com.my

KUANTAN: Sebanyak 73,621 pokok rhu ditanam Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) hingga Disember tahun lalu dalam usaha mengawal kejadian hakisan pantai disebabkan ombak dan fenomena air pasang besar.

Dengan adanya pokok berkenaan, angin kencang turut dikurangkan, sekali gus mengelak kerosakan pada rumah dan harta benda penduduk yang tinggal berhampiran pantai.

Pengaruhnya, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman berkata, selepas peristiwa tsunami pada 2004, kerajaan mengadakan program penanaman pokok bakau dan spesies sesuai di persisir pantai seluruh negara.

Menurutnya, Pahang antara negeri yang terbabit program berkenaan terutama daerah Kuantan, Pekan



MESRA ALAM... Mohd Paiz menanam pokok bintangor sempena Program Hijaukan Bumi, semalam.

dan Rompin yang mempunyai kawasan pantai luas.

Katanya, peruntukan besar setiap tahun disediakan dalam usaha menjayakan program itu yang dianggap penting bagi mengelak kejadian tidak diingini.

"Selepas mengenal pasti kawasan sesuai untuk projek berkenaan, kami menanam pokok rhu. Penjagaan tumbuhan itu dilakukan secara berterusan memabitkan aktiviti menyiram, menyulam dan memangkas.

"Bagi menjayakan projek ini, kami berhadapan pelbagai cabaran antaranya gangguan musuh memabitkan ternakan penduduk yang merosakkan pokok selain manusia," katanya pada Program Hijaukan Bumi di Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Mahkota Dua, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Indera Mahkota Dua, Shamsuddin Abu

Samah dan Pegawai Hutan Daerah (PHD) Kuantan, Mohd Khairul Anuar Rahim.

Sempena program itu, 130 pokok pelbagai spesies seperti kelat pucuk merah, bintangor dan meranti ditanam dalam kawasan sekolah. Setiap pokok dijaga dua pelajar.

Mohd Paiz berkata, pihaknya akan terus bekerjasama dengan sekolah, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan swasta dalam menjayakan program bumi hijau di negeri ini.

Katanya, pihaknya sentiasa mengalu-alukan penganjuran program bumi hijau di semua peringkat dalam usaha mencapai matlamat 26 juta pokok dengan tema satu warga satu pokok menjelang 2014.

"Hingga Disember tahun lalu, 450,422 pelbagai spesies pokok ditanam di negeri ini dan jumlahnya dijangka terus bertambah menerusi program dianjurkan kami dan pihak lain," katanya.